

Lelaki miliki syabu dipenjara empat bulan

MIRI: Padah memiliki dadah berbahaya jenis syabu, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara empat bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh dia ditangkap pada 30 April lalu.

Willwright Gipi Robert Junda, 45, dari Lubai Tengah, Limbang telah didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara

sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, didapati ada memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.19 gram.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 4.30 petang, 30 April lalu di hadapan sebuah kedai makan di Bandar Baru Permyjaya di sini.

Pendakwaan kes dikedalikan Timbalan Pendakwa Raya Luqman Hakim Sahrol Bahar di hadapan Majistret Ashok Linggam manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.